

Pavilion REIT catat untung besar RM431.8 juta

bharian.com.my/bisnes/korporat/2024/01/1204288/pavilion-reit-catat-untung-besar-rm4318-juta

Oleh BERNAMA - Januari 24, 2024 @ 7:28pm

KUALA LUMPUR: Pavilion Real Estate Investment Trust (Pavilion REIT) mencatatkan keuntungan bersih yang lebih tinggi kepada RM431.8 juta pada tahun kewangan berakhir 31 Disember 2023 berbanding RM397.80 juta pada tahun sebelumnya.

Hasil turut meningkat kepada RM723.81 juta berbanding RM551.35 juta sebelumnya.

Kenaikan dalam pertumbuhan hasil sebanyak 31.3 peratus atau RM172.46 juta disumbangkan oleh Pavilion Bukit Jalil yang diperoleh pada 1 Jun 2023, serta kadar penghunian dan hasil penyewaan yang lebih tinggi daripada pusat beli-belah sedia ada, katanya dalam makluman kepada Bursa Malaysia hari ini.

Selain itu, Pavilion REIT menyatakan pendapatan daripada pengiklanan dan pemasaran juga turut meningkat.

Pendapatan yang boleh diagihkan bagi tahun kewangan 2023 ialah RM307.4 juta atau 9.01 sen seunit, meningkat daripada 8.37 sen pada tahun sebelumnya.

Bagi suku keempat berakhir 31 Disember 2023, untung bersih Pavilion REIT meningkat 5.5 peratus kepada RM228.27 juta daripada RM216.42 juta setahun sebelumnya manakala hasil meningkat kepada RM208.22 juta daripada RM141.13 juta sebelumnya.

Mengenai prospek tahun ini, Pavilion REIT yang diterajui sektor runcit berkata penggunaan swasta dijangka menjadi sederhana pada 2024 di tengah-tengah tekanan inflasi kos yang berterusan, didorong oleh cukai baharu dan rasionalisasi subsidi bersasar.

"Walaupun begitu, pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) Malaysia 2024 diunjurkan di antara empat peratus hingga lima peratus disokong oleh permintaan domestik yang berdaya tahan dan pemulihan dalam permintaan luar," katanya.

-BERNAMA